



MALAY LANGUAGE

PRIMARY FIVE

Visi: Komuniti murid yang dapat berkomunikasi secara efektif dan terlibat secara aktif dalam pembelajaran serta mempunyai minat dalam bahasa dan budaya Melayu

Misi: Mewujudkan suasana pembelajaran yang menarik bagi mendorong murid berdikari, memupuk rasa cinta terhadap bahasa dan budaya Melayu dan menyediakan ruang agar murid dapat berkomunikasi secara efektif menggunakan bahasa Melayu baku.

DARJAH 5

Objektif Pembelajaran Bahasa Melayu Darjah 5

Pada akhir pembelajaran Bahasa Melayu di sekolah rendah, murid dapat:

- mendengar dan memahami teks pertuturan dengan teliti dalam situasi formal dan tidak formal dan memberikan tindak balas atau respons yang wajar
- bertutur dengan petah menggunakan sebutan baku dan intonasi yang betul berdasarkan konteks yang berkaitan dengan diri dan sekitarnya
- membaca pelbagai bahan bercetak dan bahan media elektronik dan digital dengan menggunakan teknik membaca yang sesuai dan berkesan untuk memperoleh maklumat, idea dan pengetahuan serta memberikan respons yang sesuai
- menulis pelbagai jenis teks berdasarkan pelbagai tajuk dan untuk pelbagai tujuan, khalayak dan situasi
- berinteraksi secara lisan dengan menggunakan sebutan baku, intonasi dan jeda yang betul dan berkesan tentang perkara-perkara yang berkaitan dengan diri dan sekitarnya
- berinteraksi secara bertulis mengenai pelbagai tajuk yang sesuai berdasarkan tujuan, khalayak dan situasi
- berfikir secara kritis dan kreatif untuk menguasai, meneroka, mencipta, menyelesaikan masalah, mencapai persetujuan bersama dan membuat keputusan melalui penggunaan bahasa
- mengenali dan memahami budaya dan nilai-nilai murni masyarakat Melayu serta budaya dan nilai-nilai murni negara dan kaum lain
- memupuk minat membaca dan menjadikannya amalan ke arah membina budaya belajar sepanjang hayat

Jadual Pengkhususan

KERTAS	KOMPONEN	JENIS ITEM	BILANGAN ITEM	TIMBANGAN (MARKAH)	PENERANGAN
1 (50 min)	KARANGAN 1) Karangan Berdasarkan Topik 2) Karangan Berdasarkan Gambar	Respons Bebas	2 (Jawab 1)	20% (40)	<ul style="list-style-type: none"> Calon dikehendaki menulis sekurang-kurangnya 120 patah perkataan. Calon dikehendaki menulis karangan berdasarkan topik yang diberikan. Calon dikehendaki menulis karangan berdasarkan gambar bersiri yang diberikan.
2 (1 jam 40 min)	PENGUNAAN BAHASA DAN KEFAHAMAN		(40)	45% (90)	
BUKU A	Bahagian A	MCQ	(25)	(50)	<ul style="list-style-type: none"> Calon dikehendaki melengkapkan teks dengan perkataan berimbuhan yang sesuai.
	1) Imbuhan		10	10% (20)	
	2) Peribahasa	MCQ	5	5% (10)	<ul style="list-style-type: none"> Calon dikehendaki memadankan makna peribahasa dengan peribahasa yang digunakan dalam teks atau memadankan peribahasa dengan makna peribahasa yang diberikan dalam teks.
	3) Golongan Kata	MCQ	5	5% (10)	<ul style="list-style-type: none"> Calon dikehendaki memilih perkataan yang tepat berdasarkan teks.
	4) Kefahaman ¹	MCQ	5	5% (10)	<ul style="list-style-type: none"> Calon dikehendaki membaca dan memahami satu petikan karangan serta menjawab soalan pelbagai aras pemikiran.

KERTAS	KOMPONEN	JENIS ITEM	BILANGAN ITEM	TIMBANGAN (MARKAH)	PENERANGAN
BUKU B	Bahagian B		(15)	(40)	
	1) Frasa	FIB	4	4% (8)	<ul style="list-style-type: none"> Calon dikehendaki melengkapkan teks dengan frasa yang sesuai.
	2) Kefahaman	MCQ/ Respons Bebas	11	16% (32)	<ul style="list-style-type: none"> Calon dikehendaki meneliti dan memahami rangsangan grafik seperti brosur, iklan dan sebagainya serta menjawab soalan berdasarkan rangsangan yang diberikan Calon dikehendaki membaca dan memahami satu petikan karangan serta menjawab soalan pelbagai aras pemikiran.

KERTAS	KOMPONEN	JENIS ITEM	BILANGAN ITEM	TIMBANGAN (MARKAH)	PENERANGAN
3 (15 min)	LISAN DAN KEFAHAMAN MENDENGAR		12	35% (70)	
	Lisan				
	1) Bacaan Lantang	Respons Lisan	1	10% (20)	<ul style="list-style-type: none"> Calon dikehendaki membaca lantang petikan karangan yang dipaparkan pada skrin komputer dengan menggunakan sebutan baku.
	2) Perbualan Berdasarkan video	Respons Lisan	1	15% (30)	<ul style="list-style-type: none"> Calon dikehendaki menonton klip video pendek (55-60 saat). Calon akan melibatkan diri dalam perbualan dengan pemeriksa lisan.
(Lebih kurang 30 min)	Kefahaman Mendengar	MCQ	10	10% (20)	<ul style="list-style-type: none"> Calon dikehendaki mendengar dan memahami rakaman yang diperdengarkan serta menjawab soalan.

Penerangan Komponen

Lisan

• Bacaan

- Murid dikehendaki membaca dengan lantang petikan karangan yang diberikan dengan menggunakan sebutan baku.

Contoh teks bacaan

Ayu sedang berjalan pulang dari sekolah. Pada hari itu, dia menggunakan jalan pintas agar dapat sampai di rumahnya dengan lebih cepat. Pada waktu itu, kawasan yang dilalui Ayu agak sunyi.

“Eh, dompet siapa ini?” tanya Ayu kehairanan apabila dia ternampak sebuah dompet di hadapannya.

Tanpa membuang masa, Ayu segera mengutip dompet tersebut. Dia membuka dompet itu dengan harapan dapat mengetahui pemilik dompet tersebut.

“Hmm, banyaknya duit di dalam dompet ini! Baik aku simpan sahaja dompet ini. Lagipun, dompet ini berjenama,” fikir Ayu.

Ayu mula berangan tentang barang-barang yang boleh dibelinya dengan wang itu. Tiba-tiba, senyuman yang pada mulanya terukir di bibir Ayu mula lenyap.

“Hmm, pasti pemilik dompet ini kini sedang berasa risau. Aku tidak boleh mementingkan diri sendiri. Baik aku serahkan dompet ini ke balai polis,” kata Ayu sendirian.

Tanpa berlengah, Ayu terus menuju ke balai polis yang berdekatan.

Senarai semak

Bacaan (20 markah)	
sebutan sentiasa baik dan jelas; bacaan amat lancar, jeda dan rentak sesuai, tidak teragak-agak; variasi nada sesuai	
sebutan jelas tetapi terdapat sedikit kesilapan; bacaan lancar, jeda dan rentak sesuai, hampir tidak teragak-agak; variasi nada pada umumnya sesuai	
pada umumnya sebutan jelas tetapi banyak kesilapan; pada umumnya bacaan agak lancar, jeda dan rentak sesuai tetapi teragak-agak sedikit; variasi nada memuaskan	
sebutan agak sukar difahami dan banyak kesilapan; bacaan tersekat-sekat; sedikit variasi nada	
sebutan tidak jelas dan kebanyakan perkataan disalah sebut; bacaan teragak-agak; tidak terdapat variasi nada	

Teknik bagi membantu anak anda dalam bacaan lisan

- latih membaca dengan lantang setiap hari
- rakam bacaan anak anda agar dia dapat mendengar semula bacaannya dan boleh mengenalpasti kelemahannya sendiri
- pastikan anak anda membaca dalam sebutan baku

Perbualan

Dengan menggunakan ketiga-tiga rangsangan, murid dikehendaki memberikan respons peribadi tentang perkara-perkara yang berkaitan dengan video.

Senarai semak

Perbualan (30 markah)	
memerlukan bantuan minimal; mampu memberikan respons yang komprehensif berserta pengembangan yang cukup; melibatkan diri dalam perbualan dan bertukar-tukar idea secara konsisten; menggunakan kosa kata yang sesuai; mampu bertutur dengan lancar dan jelas	
sekali-sekala memerlukan bantuan; mampu memberikan respons yang komprehensif berserta sedikit pengembangan; kebanyakan masa melibatkan diri dalam perbualan dan bertukar-tukar idea; kebanyakan masa menggunakan kosa kata yang sesuai; pada umumnya mampu bertutur dengan lancar dan jelas	
sering memerlukan bantuan; mampu memberikan respons yang cukup berserta sedikit pengembangan; sekali-sekala melibatkan diri dalam perbualan dan bertukar-tukar idea; menggunakan kosa kata asas yang kadangkala tidak sesuai; pada umumnya mampu bertutur dengan lancar dan jelas tetapi menggunakan pernyataan yang mudah.	
sentiasa memerlukan bantuan; mampu memberikan sedikit respons tanpa pengembangan; hampir tidak mampu melibatkan diri dalam perbualan dan bertukar-tukar idea; kebanyakan masa menggunakan kosa kata asas yang tidak sesuai; tidak mampu bertutur dengan jelas dan teragak-agak sedikit ketika bertutur.	
sentiasa memerlukan bantuan; hampir tidak mampu memberikan respons; tidak mampu melibatkan diri dalam perbualan dan bertukar-tukar idea; menggunakan kosa kata yang amat terbatas hampir setiap masa; tidak mampu bertutur dengan jelas, teragak-agak ketika bertutur dan berjeda agak lama di tempat yang tidak sesuai beberapa kali.	

Perbualan

Yang berikut merupakan panduan yang boleh digunakan untuk membantu anak anda mengaitkan pengalaman peribadi mereka dalam bahagian perbualan.

- 1) Terangkan aktiviti yang dilihat
- 2) Latar tempat kejadian ini
- 3) Masa / Waktu kejadian ini berlaku
- 4) Perasaan watak / orang di sekeliling
- 5) Pengajaran yang dipelajari

Contoh soalan:

- a) Bolehkah kamu ceritakan salah satu daripada aktiviti yang kamu saksikan dalam video tadi?
 - b) Ceritakan cara kamu memastikan keadaan sekeliling yang selamat selain daripada yang terpapar dalam video tadi.
 - c) Pada pendapat kamu, haruskah kita menggalakkan orang ramai menjaga keselamatan? Mengapa?
-

Contoh jawapan:

Terangkan aktiviti	a) Saya lihat ada tiga orang budak perempuan sedang bermain-main di tangga. Mungkin mereka bermain sementara menunggu waktu kelas tambahan.
Perasaan	Mereka kelihatan sedang seronok bermain.
Pengajaran	Mereka tidak sepatutnya bermain di tangga kerana boleh terjatuh dan mengalami kecederaan.

Ceritakan cara kamu memastikan keadaan sekeliling yang selamat selain daripada yang terpapar dalam video tadi.

Contoh jawapan:

Bagi memastikan keadaan sekeliling yang selamat, saya akan selalu mengamalkan sikap lebih berhati-hati. Sebagai contoh, jika saya berada di kantin sekolah, saya tidak akan berlari atau kerana mungkin akan melanggar orang lain yang sedang mengangkat makanan atau minuman mereka. Saya tidak mahu melihat sesiapa tercedera atau saya sendiri yang terluka akibat perbuatan saya itu. Saya harus bersikap bertanggungjawab dan sentiasa awas akan keadaan sekeliling agar lebih selamat.

Contoh soalan C:

Pada pendapat kamu, haruskah kita menggalakkan orang ramai menjaga keselamatan? Mengapa?

Contoh jawapan:

Pada pendapat saya, kita harus menggalakkan orang ramai agar menjaga keselamatan. Kita perlu buat begini kerana semua orang boleh memainkan peranan mereka demi menjaga keselamatan. Sebagai contoh, orang ramai perlu tahu pentingnya menjaga keselamatan semasa berada di jalan raya. Jika kita tidak berhati-hati, kemalangan boleh berlaku pada bila-bila masa sahaja. Bukan sahaja pemandu yang perlu berhati-hati, malahan, pejalan kaki juga harus memainkan peranan mereka agar keadaan menjadi lebih selamat. Disebabkan itu, saya rasa, kita perlu menggalakkan orang ramai agar menjaga keselamatan.

Karangan

- Murid dikehendaki menulis karangan yang mengandungi sekurang-kurangnya 150 patah perkataan.
- Murid diberikan dua pilihan dan dikehendaki menjawab satu soalan sahaja.
- Soalan pertama, murid dikehendaki menulis karangan berdasarkan topik yang diberikan dan soalan kedua pula memerlukan murid menulis karangan berdasarkan gambar bersiri yang diberikan

Contoh soalan karangan

SOALAN 1 Peristiwa yang tidak dapat saya lupakan

Kamu boleh menggunakan butir-butir yang berikut:

- Apakah peristiwa itu?
- Siapakah yang terlibat dalam peristiwa itu?
- Mengapakah peristiwa itu tidak dapat dilupakan?
- Apakah kesan dari peristiwa itu?

Contoh Karangan

Aku duduk di sofa sambil membelek-belek album gambar. Aku melihat gambar-gambar yang diambil semasa aku berada di sekolah rendah dahulu. Aku tersenyum melihat wajah aku dan rakan-rakanku yang amat comel. Cepat sungguh masa berlalu dan kini, aku sudah berumur 30 tahun. Tiba-tiba, perhatianku tertumpu ke arah topi yang dipakai Rafi, rakan karibku. Ini membuat aku teringat peristiwa yang terjadi sewaktu aku di darjah enam.

Pada waktu itu, aku sedang menunggu Rafi di luar pagar sekolah. Kami telah berjanji akan ke sebuah pusat beli-belah yang agak berdekatan dengan sekolah kami. Rafi telah memberitahuku bahawa ada sebuah kedai menjual topi yang baru dibuka. Kami berdua memang gemar memakai topi.

“Ayuh, Ali! Kita pergi sekarang,” ujar Rafi sambil tersenyum.

Kami mula mengatur langkah ke pusat beli-belah tersebut. Sepanjang perjalanan ke sana, kami asyik bersembang. Aku sudah berkawan dengan Rafi sejak dari darjah satu lagi. **Hubungan kami seperti isi dengan kuku.**

Tidak lama kemudian, kami tiba di destinasi yang ditujui. Tanpa berlengah, kami menuju ke kedai topi tersebut. Apabila kami tiba di luar kedai itu, Rafi mula tersenyum lebar. Jelas terpancar keghairahan di wajahnya.

Kami mula melihat topi-topi yang tersusun rapi di kedai tersebut. Sedang kami berjalan di bahagian belakang kedai itu, langkah Rafi tiba-tiba terhenti. Dia menunjuk ke arah rak di mana tersusun dua topi yang berwarna merah dan hitam. Itu merupakan warna kegemaran kami berdua.

Kami terus mencuba topi-topi itu. Kami amat menyukai topi-topi itu namun sebaik sahaja kami melihat harga yang tertera pada topi itu, kegembiraan yang tadinya menyelubungi kami berubah menjadi kesuraman.

Permulaan menggunakan teknik imbas kembali.

Dialog ditulis dalam perenggan baharu.

Penggunaan peribahasa.

"Rafi, mahal sangatlah topi ini. Duit aku tidak cukup," ujarku dengan hampa.

Rafi menganggukkan kepalanya. Dia terdiam seketika. Tiba-tiba, dia berbisik sesuatu ke telingaku. Mataku terbeliak mendengar kata-katanya. Meskipun aku tidak bersetuju dengan cadangannya, disebabkan aku terlalu menyukai topi itu. Tanpa berfikir panjang, aku bersetuju dengan cadangan Rafi.

Kami mula melangkah menuju ke arah pintu keluar kedai tersebut. Sebaik sahaja kami hendak keluar dari kedai itu, bahu ku disentuh seseorang. Aku menoleh dan ternampak seorang pekerja kedai itu berdiri sambil merenung aku dan Rafi.


"Kamu berdua mahu mencuri, ya? Buka beg kamu sekarang," perintah pekerja itu.


Aku **mati akal**. Mukaku menjadi pucat seperti mayat. Rafi juga membisu dan hanya memandang ke bawah. Apabila beg kami diperiksa, ternyata topi-topi itu ada di dalam. Kami meminta maaf kepada pekerja itu dan merayu kepadanya agar tidak melaporkan hal ini kepada pihak polis.

"Saya akan memberitahu ibu dan bapa kamu berdua. Saya harap ini menjadi satu pengajaran untuk kamu dan kamu tidak akan mengulangi perbuatan ini lagi," kata pekerja itu.

Meskipun aku lega mendengar yang dia tidak akan menelefon polis, aku pasti ibu dan bapaku akan kecewa mendengar tentang kejadian itu. Petang itu, aku dimarah dan mereka tidak membenarkan aku keluar ke mana-mana lagi selepas sekolah. Sejak hari itu, perhubungan aku dan Rafi menjadi renggang.

Kring!Kring! Bunyi deringan telefon bijakku yang nyaring membuat aku tersentak. Aku tersedar dari lamunan. Rupanya, isteriku yang menelefonku. Dengan segera, aku menutup album gambar itu lalu menjawab panggilan tersebut. Peristiwa itu menjadi kenangan yang tidak dapat aku lupakan. Kalaulah aku dapat menasihatkan Rafi dahulu, mungkin kita masih akan bersahabat hingga kini.

- 
- Dialog ditulis dalam perenggan baharu
 - Penggunaan peribahasa.



Penutup dikaitkan semula dengan perenggan pengenalan.

Contoh karangan

Mulakan dengan Gambar 0.

Apa yang terjadi sebelum Gambar 1?

Dialog perlu ditulis dalam perenggan baru

Pagi itu aku bangun awal. Aku berasa gembira kerana hari itu hari pertama cuti sekolah bulan Mac. Selepas mandi, aku segera ke dapur untuk mencari ibuku.

“Eh, Ibu dan Ayah mahu ke mana? Bukankah Ibu dan Ayah juga mengambil cuti?” tanyaku kehairanan.

Ibu menjelaskan bahawa mereka baru mendapat panggilan telefon daripada datuk. Datuk memberitahu bahawa nenek tergelincir semasa di tandas. Datuk memerlukan bantuan ibu dan ayah untuk membawa nenek ke hospital.

“Kalau begitu, Adi tinggal di rumah sahaja. Lagi pun, Adi mahu menghabiskan kerja sekolah yang diberikan Cikgu Zaki,” balasku.

Selepas ibu dan ayah bersiap, mereka pun keluar dari rumah. Mereka berpesan kepadaku agar berhati-hati dan berjanji akan pulang secepat mungkin. Aku pun melambaikan tangan dan mengucapkan selamat tinggal kepada mereka. Tanpa berlengah masa, aku terus membuat kerja sekolahku.

Sejam kemudian, perutku mula berkeroncong. Aku terbayang nasi ayam kegemaranku dari gerai Nasi Ayam Istimewa. Aku membuat keputusan untuk ke gerai itu yang terletak tidak jauh dari rumahku.

Tidak lama kemudian, aku sudah berada di hadapan gerai Nasi Ayam Istimewa. Perutku berkeroncong dengan semakin kuat apabila aku terhidu bau nasi ayam yang amat menyelerakan. Aku terus memesan sebungkus nasi ayam daripada pegerai itu. Selepas membayar harga nasi ayam itu, aku bergegas pulang ke rumah. Aku tidak sabar hendak makan nasi ayam itu.

“Mujurlah rumahku dekat sahaja.” bisik hati kecilku semasa aku berjalan di koridor menuju ke rumahku.

Ketika aku sedang berjalan, aku terdengar suara seseorang terpekik. Aku ternampak jiranku, Tuk Lim. Dia terduduk di tangga di hadapan rumahnya dan buah-buahan yang dibelinya jatuh bertaburan. Aku terkejut melihat kejadian itu.

Gambar 6 bukan penutup cerita. Murid harus sambung menulis apa yang terjadi selepas Gambar 5.

Dengan segera, aku berlari ke arahnya. Aku meletakkan plastic yang mengandungi nasi ayam tadi di lantai.

“Tuk Lim tidak apa-apa? Apakah yang telah terjadi?” tanyaku kepada Tuk Lim.

“Sebenarnya, tadi Tuk Lim tersandung sesuatu semasa sedang berjalan. Sebab itulah, beg plastik itu terlepas dan Tuk terduduk di sini,” jelas Tuk Lim. “Jangan risau, Tuk tidak apa-apa. Cuma terkejut sahaja tadi,” sambung Tuk Lim lagi.

Aku menarik nafas lega mendengar penjelasan Tuk Lim. Aku pun membantunya berdiri lalu memungutkan buah-buahan yang bertaburan. Selepas itu, aku membantu Tuk Lim masuk ke dalam rumahnya.

Aku menanyakan kepada Tuk Lim jika dia mahu aku menemaninya di rumah namun Tuk Lim menggelengkan kepala. Dia memberitahuku yang dia tidak apa-apa dan anaknya juga akan pulang tidak lama lagi. Selepas memastikan Tuk Lim sudah berasa selesa, aku pun pulang ke rumah.

Tiga jam kemudian, ibu dan ayahku pulang ke rumah. Aku menanyakan khabar nenek. Mereka memberitahuku yang kaki nenek terseliuh namun tidak begitu teruk. Aku berasa bersyukur nenekku tidak apa-apa.

Aku memberitahu mereka tentang kejadian tadi. Mereka berasa bangga kerana aku bersikap prihatin terhadap jiran. Mereka pun mengajak aku keluar untuk makan di restoran kegemaranku. Hari itu merupakan hari yang tidak akan dapat aku lupakan.

Gambar 7 – Penutup; perasaan watak

Senarai semak

Isi	
Isi padat dan dikembangkan dengan menarik.	
Isi dikembangkan lebih dari apa yang tertera di dalam gambar dengan agak menarik.	
Isi hanya berpandukan pada apa yang tertera di dalam gambar.	
Isi terlalu kurang dari apa yang tertera di dalam gambar. Sukar untuk faham isi cerita.	
Isi hampir tiada kerana sukar mengikuti perkembangannya.	

Bahasa dan Organisasi	
<ul style="list-style-type: none"> Hampir tiada kesilapan tatabahasa, ejaan dan tanda baca Banyak menggunakan ayat-ayat majmuk Pemilihan perkataan amat sesuai 	
<ul style="list-style-type: none"> Beberapa kesilapan tatabahasa, ejaan dan tanda baca Terdapat ayat-ayat majmuk Kebanyakan perkataan yang digunakan sesuai 	
<ul style="list-style-type: none"> Kesilapan tatabahasa, ejaan dan tanda baca agak meluas Hampir keseluruhan ayat yang digunakan merupakan ayat tunggal Pemilihan perkataan kurang sesuai 	
<ul style="list-style-type: none"> Banyak kesilapan tatabahasa, ejaan dan tanda baca Hanya sedikit ayat-ayat yang gramatis 	
<ul style="list-style-type: none"> Banyak kesilapan tatabahasa, ejaan dan tanda baca yang ketara Hampir tiada ayat yang gramatis 	

Teknik bagi membantu anak anda dalam Karangan

Fahami kehendak soalan.

Soalan 1: Peristiwa yang menyedarkan saya tentang erti persahabatan

- Murid harus menceritakan tentang hubungan persahabatan yang terjalin.
- Murid harus menceritakan tentang **peristiwa yang membuat dia sedar** tentang makna persahabatan.
- Dalam karangan juga, murid harus menuliskan kesan peristiwa itu terhadap persahabatannya.

Gunakan 5 minit yang pertama untuk merancang jalan cerita dan 5 minit yang terakhir untuk menyemak cerita yang telah ditulis.

- Murid harus memikirkan siapakah mereka dalam cerita yang akan ditulis; watak itu sendiri / orang ketiga

Soalan 2: Karangan berdasarkan gambar yang diberikan.

Gunakan 5 minit pertama untuk:

- Memikirkan cara untuk memulakan karangan, Gambar 0; perkenalkan watak / dialog / imbas kembali
- Rancang apa yang akan ditulis Gambar 0 (apa yang terjadi sebelum Gambar 1)
- Rancang apa yang terjadi dalam Gambar 6 (teliti peristiwa di Gambar 5)
- Penutup yang sesuai untuk Gambar 7 (masukkan perasaan / pengajaran yang dipelajari watak)

5 minit terakhir, murid harus:

- Baca semula karangan yang telah ditulis

Kesilapan yang lazim dibuat murid:

- Tetapkan penggunaan kata ganti nama diri orang pertama.

Contoh: Penggunaan aku atau saya. Jika murid mahu gunakan aku, perkataan itu harus digunakan secara konsisten dalam cerita

- Panggilan ibu / emak / ayah / bapa. Kalau digunakan ibu dari pengenalan karangan, hingga akhir perlu dikekalkan sebagai ibu.
- Jangan gunakan singkatan seperti 'tak' atau 'nak' dalam ayat. Sebaliknya, murid harus mengeja perkataan yang tepat iaitu 'tidak' atau 'hendak'.
- Baca karangan contoh yang diberikan guru
- Baca buku cerita pelbagai genre bagi meluaskan pengetahuan dan agar murid mendapat idea yang lebih menarik tentang cara penulisan.

Teknik bagi membantu anak anda dalam Kertas Bahasa

1) Imbuhan

- Murid perlu membaca dan memahami konteks petikan tersebut sebelum menjawab soalan.
- Jangan hanya baca ayat yang mengandungi soalan sahaja lalu terus menjawab.
- Setelah menjawab kesemua soalan imbuhan, baca semula petikan dengan jawapan-jawapan yang telah dipilih.

2) Peribahasa

- Baca dan fahamkan makna setiap peribahasa yang diberikan dalam senarai peribahasa
- Teliti pendaya-pendaya yang diberikan dan cari makna atau peribahasa yang tepat berdasarkan soalan yang diajukan.


3) Kefahaman 1 dan Rangsangan Grafik

- Baca dengan teliti isi cerita dan maklumat yang hendak disampaikan.
- Kenal pasti idea utama setiap perenggan.
Apakah maklumat yang hendak disampaikan dalam perenggan tersebut?
- Baca soalan dengan teliti dan fahami kehendak soalan sebelum menjawab.

Contoh soalan & jawapan Interaktif Penulisan:

Kamu mahu mengajak adik kamu, Rosita, ke Kafe Syiok Lazat. Kamu mahu mencuba aiskrim dan kek istimewa mereka. Untuk menyakinkan Rosita untuk ke kafe tersebut, kamu harus menerangkan dua faedah yang boleh diraih apabila kamu ke sana.

Gunakan informasi dalam brosur tadi untuk melengkapkan pesanan ringkas di bawah ini. (4 markah)



Murid perlu mendapatkan informasi dari ransangan grafik yang diberikan. Murid perlu mengakhiri dengan ayat penutup.

Rosita, saya mahu mencuba beberapa perisa aiskrim dan kek yang istimewa. Jika kita ke Kafe Syiok Lazat, kita boleh mendapatkan sebiji kek cawan dengan menyebut kata laluan dan selain itu, kita juga boleh mencuba kek atau aiskrim perisa istimewa seperti laici. **Ayuhlah, ikut saya ke Kafe Syiok Lazat!**

4) Golongan Kata / Frasa

- Fahami konteks petikan yang diberikan.
- Pilih jawapan yang paling sesuai dalam konteks petikan tersebut. Jangan hanya baca ayat yang mengandungi soalan sahaja.
- Setelah selesai menjawab kesemua soalan, baca sekali lagi dengan jawapan-jawapan yang telah ditulis bagi memastikan jawapan yang dipilih tepat.

5) Kefahaman 2

- Baca petikan dan soalan dengan teliti
- Kenal pasti idea utama setiap perenggan yang dibaca
- Fahami kehendak soalan
- Jawab soalan menggunakan ayat sendiri dan jawapan perlu menepati kehendak soalan

Kesilapan yang dibuat murid semasa menjawab soalan Kefahaman 2

35. **Mengapakah** Sidik dilantik sebagai ketua kumpulan? (2 markah)

- Soalan ini meminta sebab Sidik dilantik sebagai ketua kumpulan.
- Murid harus memberikan sebab yang diperlukan sahaja dan bukan salin semua jawapan yang ada dalam perenggan tersebut

Contoh jawapan yang kurang tepat:

Sidik dan beberapa orang temannya telah bercadang untuk mengadakan perkhemahan di tepi sebuah hutanyang tidak jauh dari sebatang sungai. Oleh sebab Sidik seorang pengakap, dia telah dilantik untuk mengetuai kumpulannya dalam perkhemahan tersebut. Tambahan pula, dia memang biasa mengikut aktiviti perkhemahan yang diadakan oleh pasukan pengakap sekolahnya.

Murid telah mengambil semua maklumat yang diberikan dan masukkan dalam jawapan. Ini menunjukkan murid tidak memahami kehendak soalan.

Contoh jawapan yang betul:

Sidik telah dilantik sebagai ketua kumpulan kerana Sidik dilantik sebagai ketua kumpulan kerana dia seorang pengakap (1m) dan dia sudah biasa mengikut aktiviti perkhemahan (1m).

Murid harus ulang semula batang soalan agar jawapan lebih lengkap.

Jawapan yang diberikan tepat memenuhi kehendak soalan.

37. Keadaan tempat untuk berkhemah tidak begitu selamat. Berikan bukti-bukti untuk menyokong pernyataan ini. (4 markah)

- Soalan ini memerlukan bukti-bukti mengapa keadaan tempat itu tidak selamat.
- Murid harus menjelaskan tentang keadaan tempat yang tidak selamat untuk berkhemah.

Contoh jawapan yang kurang tepat:

Tanahnya berbatu-batu dan agak lecek pula. Mereka memberi kata putus untuk masuk ke dalam kawasan hutan dan mencari tempat yang sesuai. Sayangnya semakin dalam mereka meredah hutan itu, semakin sukar keadaannya. Tempat itu juga jauh dari sungai. Akhirnya, mereka memutuskan untuk membatalkan sahaja rancangan mereka untuk berkhemah dan bersetuju mencari jalan keluar untuk pulang ke rumah.

Jawapan ini kurang tepat kerana murid telah memberikan semua maklumat yang ada dalam petikan yang dibaca.

Contoh jawapan yang betul:

Tanah di tempat perkhemahan berbatu-batu (2m) dan lecek (2m)

Jawapan ini betul kerana murid telah berjaya mengenal pasti jawapan yang menepati apa yang ditanya dalam soalan.

39 'Teman-teman Sidik diselubungi kebimbangan.' Jelaskan pernyataan ini. (4 markah)

- Soalan ini memerlukan murid menerangkan apakah yang membuat teman-teman Sidik berasa bimbang.
- Murid perlu membaca petikan dengan teliti bagi menjawab soalan yang berbentuk begini.

Contoh jawapan yang kurang tepat:

Ayat ini bermaksud teman-teman Sidik berasa sangat bimbang.

Jawapan ini kurang tepat kerana murid hanya menulis semula soalan yang diajukan dan tidak menerangkan maksud di sebalik ayat ini.

Contoh jawapan yang betul:

Teman-teman Sidik mula bimbang apabila kedengaran bunyi haiwan-haiwan liar (1m) yang semakin aktif (1m) dan pergerakan haiwan-haiwan itu seperti dekat dengan kawasan itu (2m).

Jawapan ini betul kerana murid telah menerangkan secara terperinci sebab teman-teman Sidik berasa bimbang.

40a & 40b

- Soalan-soalan ini menguji bahagian kosa kata murid.
- Murid perlu mengenal pasti perkataan dalam petikan yang mempunyai maksud yang sama dengan frasa yang diberikan.

Lelaman web yang menggalakkan penggunaan bahasa dan budaya Melayu

1) <http://www.mllpc.sg>

Laman web yang memberitahu tentang aktiviti-aktiviti yang dijalankan untuk menggalakkan penggunaan Bahasa Melayu. Terdapat juga permainan interaktif yang menarik untuk murid sekolah rendah.

2) www.nlb.gov.sg/golibrary

Laman web perpustakaan kebangsaan. Terdapat banyak buku bacaan elektronik yang boleh didapati di dalam lelaman ini.

3) <http://prpm.dpb.gov.my>

Kamus dalam talian

Kesimpulan

Buku panduan untuk darjah 5 ini diharapkan dapat digunakan oleh ibu bapa sebagai panduan untuk membantu anak-anak di rumah. Dengan adanya buku panduan ini diharapkan ibu bapa dapat membimbing anak-anak dengan lebih berkesan untuk pelajaran Bahasa Melayu.